

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI (ALOR SETAR)

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes salah guna visa pelajaran mengikut negara asal dan jenis kesalahan yang terlibat serta cadangan penyelesaian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa melakukan pemantauan serta operasi bersepadu secara berterusan melalui sesi naziran berkala ke atas institusi pendidikan di Malaysia. Dari 1 Januari 2020 sehingga 31 Mac 2020, seramai 3 orang pemegang Pas Pelajar telah ditangkap atas kesalahan menyalahgunakan Pas Pelajar di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Bagi tempoh yang sama, terdapat 54 orang pemegang Pas Pelajar yang didapati melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1859/63 iaitu kesalahan tinggal di dalam negara melebihi tempoh pas yang dibenarkan.

Warganegara asing yang melakukan kedua-dua kesalahan tersebut adalah warganegara Bangladesh seramai 24 orang, diikuti oleh warganegara Indonesia seramai 19 orang dan warganegara Vietnam seramai 3 orang.